



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

***Kenyataan media Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Gobind Singh Deo, di
Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Presint 4, Putrajaya pada 20hb Jun 2018:***

Dana SKMM dan Dana USP perlu diaudit oleh Jabatan Audit Negara

Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan menjalankan audit bebas terhadap dua kumpulan dana yang diuruskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Kedua-dua kumpulan dana tersebut ialah Dana SKMM (MCMC Fund) yang ditubuhkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP Fund) yang ditubuhkan mengikut Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002.

Mengikut Penyata Kewangan SKMM, jumlah Dana SKMM adalah RM800 juta setakat 31hb Disember 2016 manakala mengikut Penyata Kewangan Dana USP, jumlah dana tersebut adalah RM8.5 bilion setakat 31hb Disember 2016.

Tujuan Dana SKMM adalah untuk keperluan kewangan SKMM seperti ditetapkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, manakala Dana USP digunakan untuk mengurangkan jurang digital dengan memberi perkhidmatan komunikasi dan akses Internet kepada kawasan luar bandar dan kawasan di mana perkhidmatan adalah terhad, melalui projek-projek infrastruktur. Syarikat-syarikat telekomunikasi (telco) wajib menyumbang sebahagian peratusan daripada perolehan mereka tahun ini kepada Dana ini yang diuruskan oleh SKMM.

Audit terhadap kedua-dua Dana ini adalah untuk mengesahkan amaun dalam akaun-akaun tersebut dan meningkatkan ketelusan dalam penggunaan Dana ini.

Audit ini patut mengutarakan kelemahan-kelemahan (jika ada) dalam penggunaan kedua-dua Dana tersebut, serta masalah dalam proses penganugerahan dan pelaksanaan projek-projek di bawah Dana ini, sehingga hari ini. Saya harap SKMM akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak auditor supaya audit ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.

GOBIND SINGH DEO
Menteri Komunikasi dan Multimedia



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Media statement by Minister of Communications and Multimedia, Gobind Singh Deo at the Ministry of Communications and Multimedia, Presint 4, Putrajaya on 20 June 2018:

MCMC Fund and USP Fund Audit by National Audit Department

The Ministry of Communications and Multimedia will carry out an independent audit on 2 funds which are under the control and supervision of the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

The two funds are the MCMC Fund which is set up under the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 and the USP Fund which was set up pursuant to the Communications and Multimedia (Universal Service Provision) Regulations 2002.

According to financial statements from the MCMC, the MCMC Fund stood at some RM800 million as at 31st December 2016, and according to the USP Fund financial statements, that Fund stood at RM8.5 billion as at 31st December 2016.

MCMC Funds are used for the financial requirements of MCMC as stipulated under the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 whereas USP Funds are used to bridge the digital divide, particularly by providing communications and internet access to underserved areas, including rural areas and underserved groups, mainly through infrastructure projects.

The telcos contribute a percentage of their weighted net revenue towards this fund which is managed by MCMC.

The purpose of this audit is to verify the said accounts and to enhance transparency over the use of the said funds in the past.

The audit should highlight any shortcomings in the use of the said funds, if any, and problems in the process of awarding and implementation of the award and implementation of projects under the said funds until today.

I hope the Malaysian Communications and Multimedia Commission will render the auditors the full assistance and cooperation so as to complete the said audit as soon as possible.

GOBIND SINGH DEO
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA